

## BAB 4

### PENGAJARAN BAHASA MELAYU DI PUSAT BAHASA

#### 4.1. Pendahuluan

Pusat Bahasa, Universiti Malaya yang ditubuhkan pada bulan Mac 1972, mempunyai tugas yang penting dalam melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan di peringkat institusi pengajian tinggi khususnya Universiti Malaya. Tugas ini meliputi pengajaran bahasa Melayu atau secara rasmi disebut Bahasa Malaysia di kampus Universiti Malaya kepada semua pihak termasuklah mahasiswa, kakitangan akademik, kakitangan pentadbiran dan kakitangan am.

Sejak penubuhan Pusat Bahasa, terdapat 3 jenis kursus kecekapan Bahasa Malaysia yang dikelolakan di bawah Bahagian Bahasa Malaysia iaitu Kursus Sijil Kecekapan, Kursus Bahasa Malaysia di fakulti-fakulti (Kursus Unit) dan Kursus Intensif. Kursus-kursus tersebut dirancang dan dilaksanakan berlandaskan

kepada asas-asas tertentu iaitu tahap kecekapan, jenis kecekapan, bidang pelajaran serta bidang pengkhususan.

Kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia pada dasarnya adalah lanjutan daripada kursus yang pernah dijalankan oleh Fakulti Sastera sebelum tertubuhnya Pusat Bahasa (Asmah Hj. Omar, 1978 : 59). Struktur pelaksanaan kursus adalah sama sebagaimana sebelumnya, kecuali sedikit perubahan dari segi sukanan dan metodologi pengajaran. Pelajaran terjemahan yang sebelum ini merupakan sebahagian daripada sukanan pelajaran yang diajar telah dikecualikan daripada sukanan pelajaran yang baru ini.

#### 4.2. Matlamat Kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia

Pelaksanaan kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia pada mulanya adalah bertujuan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar yang ingin menguasai kecekapan dan kemahiran berbahasa Malaysia sama ada untuk tujuan komunikasi, akademik, komersial ataupun profesional. Sekalipun matlamat asal pelaksanaan kursus ini untuk membantu kakitangan akademik serta kakitangan am Universiti Malaya dalam penguasaan kemahiran bahasa Malaysia untuk tujuan tertentu

seperti pengajaran dan pentadbiran, namun lebih dari itu adalah diharapkan mereka dapat menggunakan Bahasa Malaysia dengan baik dan berkesan dalam semua aspek keperluan dan komunikasi.

Di setiap peringkat pengajian selama tiga tahun, pelajar-pelajar adalah dijangka mampu mencapai dan menguasai beberapa ciri kemahiran sebagaimana yang dirancangkan. Pelajar-pelajar sekurang-kurangnya mampu mencapai tahap dan kebolehan berikut mengikut peringkat masing-masing.

Buku Panduan Pusat Bahasa (1978) menyenaraikan tujuan kursus seperti berikut:-

#### 4.2.1. Tahun I : Peringkat I (CM10)

Di akhir peringkat ini pelajar-pelajar dijangka;

- a) Berupaya menguasai kemahiran bertutur serta dapat menggunakannya bahasa yang mudah dengan kecekapan yang agak terbatas.
- b) Boleh membaca dan memahami petikan atau teks yang mudah dan pendek.

- c) Boleh menulis perenggan pendek dalam bahasa yang mudah mengenai tajuk-tajuk tertentu, umpamanya mengungkapkan pengalaman mereka.

**4.2.2. Tahun II : Peringkat II (CM20)**

Di akhir peringkat II pelajar-pelajar dijangka;

- a) Berupaya memaham dan menggunakan bahasa Malaysia dengan cekap dalam struktur yang agak tepat di samping mampu bertutur dengan baik bersetuaian dengan situasi atau konteks sosial dan profesional tertentu.
- b) Mempunyai kebolehan memaham yang lebih baik, sekurang-kurangnya membolehkan mereka membaca dan memahami petikan atau teks yang lebih sukar berbanding peringkat sebelumnya.
- c) Dapat menulis karangan atau surat peribadi yang ringkas dan mudah. Umpamanya mereka dijangka dapat menulis karangan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pengalaman harian yang didepaninya dan juga menulis surat-surat rasmi atau tidak rasmi yang berkaitan dengan pekerjaan dan perniagaan.
- d) Boleh berinteraksi dengan rakan-rakan dengan

baik.

- e) Selain itu, pelajar-pelajar juga diharap dapat menguasai perbendaharaan kata untuk memudahkan mereka mengambil bahagian dalam perbincangan, perbualan formal atau tidak formal, sekalipun tidak begitu efektif.

#### 4.2.3. Tahun III : Peringkat III (CM30)

Di akhir peringkat III pelajar-pelajar diharapkan;

- a) Dapat menggunakan dan menerapkan bentuk-bentuk pertuturan dalam bahasa Malaysia dengan cekap dan berkesan di dalam berbagai aspek seperti dalam bidang profesional, akademik, iktisas dan sosial. Selain itu, mereka dijangka mampu mengendalikan tugas-tugas akademik atau pentadbiran dalam bahasa Malaysia.
- b) Boleh membaca dan memahami teks atau petikan yang sukar dan panjang sama ada daripada buku-buku atau jurnal serta boleh membuat penilaian atau tafsiran terhadap maklumat yang dibaca dalam bentuk bukan prosa (non-linear).
- c) Pelajar-pelajar boleh memahami dan mengambil

bahagian dalam perbincangan atau perbualan mengenai tajuk-tajuk khusus seperti aspek-aspek ekonomi, politik, sosial, perkara-perkara yang berkaitan dengan pengalaman dan sebagainya dengan tahap kefasihan yang tinggi serta ketepatan penggunaan perbendaharaan kata mengikut konteks.

- d) Boleh menulis karangan, surat rasmi pentadbiran, laporan, rumusan terhadap petikan atau jurnal.
- e) Boleh menyampaikan ceramah, kuliah dan berbincang tentang isu-isu tertentu atau semasa.

#### **4.2.4. Peringkat Sijil Lanjutan Kecekapan**

##### **Bahasa Malaysia**

Sebagai kursus lanjutan dalam kecekapan Bahasa Malaysia, matlamat yang dirancang adalah bagi membolehkan pelajar-pelajar menguasai kemahiran-kemahiran berikut:-

- a) Bertutur dengan kecekapan yang memuaskan dalam pelbagai keadaan berbahasa.
- b) Membaca dengan kritis teks-teks teknikal,

akademik, kewartawanan, profesional dan kesusasteraan.

- c) Menulis dan membuat ulasan tentang tajuk-tajuk yang lebih sukar daripada yang diperkenalkan dalam peringkat Sijil Kecekapan Bahasa.

#### 4.3. Sasaran Kursus

Pada mulanya kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia ini dikelolakan untuk kakitangan Universiti Malaya sama ada dari kalangan kakitangan akademik, kakitangan am mahupun kakitangan pentadbiran yang tidak fasih atau tidak cekap berbahasa Malaysia. Kalangan mereka yang mengambil kursus ini adalah bertujuan ingin mempertingkatkan kemahiran berbahasa mereka sama ada untuk kegunaan pengajaran atau pentadbiran mahupun komunikasi. Pengajaran Bahasa Malaysia pada peringkat ini adalah bersifat bahasa kedua kerana kebanyakan mereka adalah terdiri daripada kakitangan tempatan yang tidak cekap berbahasa Malaysia.

Selepas pindaan akta dan peraturan bagi Kursus Sijil Kecekapan Bahasa-Bahasa pada tahun 1983, kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia telah dibuka kepada

pelajar-pelajar luar umpamanya bukan Melayu seperti warga asing atau penuntut negara luar yang ingin mempelajari Bahasa Malaysia untuk tujuan-tujuan tertentu. Sejak itu, pengajaran Bahasa Malaysia lebih bersifat bahasa asing yang ditawarkan kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk mempelajarinya,

Syarat-syarat kemasukan pelajar serta peraturan-peraturan tertentu berhubung dengan kelayakan mengikuti kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia adalah tertakluk di bawah akta dan peraturan sebagaimana termaktub dalam Akta dan Peraturan XX (dipinda pada 1983 dan 1994), Perlembagaan Universiti Malaya.

#### **4.4. Kaedah Pembelajaran Bagi Kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia**

Umumnya sukatan dan kaedah pembelajaran bahasa Malaysia disusun mengikut tahap atau peringkat kursus yang diajar. Pada peringkat rendah iaitu Peringkat I (CM10), pelajar-pelajar lebih banyak diajar tentang aktiviti dan latihan pertuturan. Penekanan kepada latihan penyebutan dan pengulangan adalah bertujuan membolehkan pelajar-pelajar mempelajari dan menguasai

sebutan yang betul dan tepat dengan bentuk-bentuk fonologi Bahasa Malaysia. Kebanyakan pelajaran pada peringkat ini diajar mengikut kaedah yang berasaskan Kaedah Audio-Lingual, terutamanya dengan menggunakan pita rakaman, latih tubi serta kerja-kerja makmal bahasa.

Di peringkat II (CM20) pula, kaedah pembelajaran diperluaskan lagi dengan matlamat, selain daripada mempertingkatkan kemahiran pertuturan biasa, pelajar-pelajar juga dilatih dalam aktiviti-aktiviti pembacaan, kefahaman, perbincangan dan penulisan.

Seterusnya dalam peringkat III (CM30) pelajar-pelajar dijangka mampu menguasai pelbagai aspek kemahiran berbahasa dengan baik. Pelajar-pelajar pada peringkat ini didedahkan kepada penggunaan bahasa yang lebih praktikal melalui pelbagai aktiviti kemahiran. Dalam latihan pertuturan, pelajar-pelajar diajar dan dibimbing mengendalikan perbincangan, ceramah, dialog atau forum. Manakala dalam bidang penulisan pula, pelajar-pelajar diajar dengan kemahiran menulis karangan atau eseи, memahami istilah atau kosa kata, menyediakan laporan dan surat-menyurat.

**4.5. Sukatan Dan Kandungan Kursus Sijil Kecekapan  
Bahasa Malaysia**

Struktur kandungan dan sukatan pelajaran kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia (Kursus CM) dapat ditinjau dari dua peringkat iaitu pertama, sukatan pelajaran Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia yang dirancang dari tahun 1972 hingga 1982; dan kedua, sukatan pelajaran yang dirancang selepas pindaan Akta dan Peraturan 1983.

**4.6. Sukatan Pelajaran Sijil Kecekapan Bahasa  
Malaysia Dari Tahun 1972 Hingga 1982**

Pada peringkat awal yakni sejak penubuhan Pusat Bahasa, kursus Sijil Kecekapan dilaksanakan dalam tiga peringkat selama tiga tahun pengajian. Dua peringkat pertama iaitu Peringkat I (CM10) dan Peringkat II (CM20) adalah untuk Sijil Kecekapan, manakala peringkat III (CM30) pula ialah untuk Sijil Lanjutan Kecekapan. Setiap peringkat pengajaran mengandungi 3 - 4 jam pertembungan seminggu (Lihat Sukatan Pelajaran Kursus Bahasa Malaysia, Pusat Bahasa, 1972-1982 - stensilan).

Kandungan sukanan pelajaran peringkat I dan II (CM10 dan CM20) terbahagi kepada enam bahagian yang berasingan iaitu:-

- a) Tatabahasa
- b) Karangan
- c) Ringkasan karangan
- d) Kefahaman
- e) Surat-menjurat
- f) Lisan

#### **4.6.1. Tatabahasa**

Aspek utama yang diajar dalam bahagian ini ialah merangkumi jenis-jenis ayat dalam Bahasa Malaysia, jenis-jenis perkataan dan pengimbuhan.

Jenis-jenis ayat yang diajar adalah terdiri daripada jenis-jenis ayat dasar, termasuk juga ayat perintah, ayat suruhan, ayat larangan, ayat tanya, ayat seruan, ayat silaan dan juga ragam ayat seperti ayat pasif dan ayat aktif. Proses pengimbuhan pula terdiri daripada pemakaian dan penggunaan imbuhan awalan, akhiran serta awalan dan akhiran (apitan), umpamanya imbuhan meN-, beR-, ter-, peN-, se-, -kan, -I, per-kan, per-i dan ke-an. Pelajaran mengenai awalan

banyak ditekankan kepada pengenalan serta fungsi imbuhan dalam konteks penggunaannya dalam perkataan. Selain itu, aspek cakap ajuk dan cakap pindah juga disentuh secara ringkas.

Dalam peringkat II (CM20), pelajaran tatabahasa agak kompleks dan lebih mendalam. Antara pelajaran yang diajar ialah tentang bentuk-bentuk ayat selapis, ayat berlapis, ayat bebas dan ayat majmuk. Imbuhan ayat berlapis, dengan menekankan kepada fungsi dan pula diajar dengan menekankan kepada fungsi dan pemakaian dalam perkataan dan ayat. Antara imbuhan yang dimasukkan dalam sukanan pelajaran di peringkat ini ialah imbuhan awalan meN-, ber-, ter-, di-, peN-, se-, ke-; imbuhan akhiran -kan, -i, dan imbuhan awalan-akhiran (apitan) ber-an, pe-an, per-an, ke-an dan ber-kan.

Aspek lain sebagai tambahan juga dimasukkan antaranya pelajaran mengenai kata berganda, korelasi, penbendaan dan kata bantu.

#### 4.6.2. Karangan

Pelajaran karangan yang ditekankan dalam peringkat I ialah berbentuk penceritaan atau

penghuraian (naratif dan deskriptif). Tajuk-tajuk yang dipilih adalah berkaitan dengan peristiwa atau hal yang biasa dialami oleh pelajar-pelajar atau yang biasa berlaku dalam kehidupan sehari-hari di persekitaran pelajar.

Pada peringkat II, pelajar-pelajar akan didedahkan dengan tajuk-tajuk karangan yang bersifat deskriptif yang memerlukan perbincangan, perbahasan atau penghujahan. Antara aspek yang dikemukakan ialah berhubung dengan bidang-bidang yang ada kaitan dengan iktisas pelajar serta hal ehwal semasa atau dunia luar yang mereka ketahui. Tajuk-tajuk karangan jenis perbahasan, penulisan laporan atau minit mesyuarat yang dirasakan perlu juga diberikan kepada pelajar-pelajar untuk dibincangkan dalam karangan.

#### 4.6.3. Ringkasan

Sukatan dan bahan pengajaran untuk aktiviti ringkasan dipilih dan diperingkatkan dengan teliti untuk disesuaikan mengikut peringkat kursus. Bahan untuk pelajaran ringkasan berkisar mengenai berita atau rencana semasa yang diambil daripada buku teks, suratkhabar atau majalah.

#### **4.6.4. Kefahaman**

Sukatan dan bahan untuk pelajaran kefahaman diambil daripada buku teks atau kutipan daripada majalah dan suratkhabar. Pemilihan dan pemeringkatan petikan disesuaikan mengikut peringkat kursus. Bahagian ini menekankan kepada kemahiran membaca dan memaham karangan serta menjawab soalan-soalan kefahaman dan kosa kata.

#### **4.6.5. Surat-Menyurat**

Mengenai surat-menyurat, sukanan pelajaran dalam peringkat I memperkenalkan tentang cara atau teknik penulisan surat biasa dan juga surat rasmi yang mudah dan sering digunakan. Bentuk surat tidak rasmi yang diajar ialah seperti surat daripada sahabat kepada sahabat, surat daripada anggota keluarga kepada anggota keluarga yang lain, surat daripada pelajar kepada guru dan sebagainya. Manakala surat rasmi pula termasuklah surat daripada pekerja kepada ketua jabatan atau sebaliknya, surat daripada orang ramai kepada pegawai-pegawai kerajaan atau kepada pengurus perniagaan dan sebagainya.

Berbanding dengan peringkat I, sukatan pelajaran surat kiriman dalam peringkat II dikhkususkan kepada kemahiran menulis surat rasmi sahaja terutama yang perlu dalam urusan semasa. Bentuk penulisan surat yang ditekankan pada peringkat ini ialah seperti surat daripada Ketua Jabatan kepada Naib Canselor, surat daripada sesebuah kementerian kepada kementerian yang lain dan sebagainya.

#### 4.6.6. Lisan

Gerak kerja lisan ditekankan kepada pelajar-pelajar dalam kedua-dua peringkat iaitu Peringkat I dan II. Ia dianggap penting dan berkesan untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa pelajar. Aktiviti lisan pada peringkat ini bertujuan membiasakan pelajar dengan pelbagai situasi terutama dalam konteks komunikasi sosial.

Antara kegiatan lisan yang ditekankan ialah melibatkan cara-cara memberi salam, sapaan atau ucapan hormat kepada seseorang, perbualan mengenai hal-hal yang berlaku di sekitar kehidupan seharian seperti bertanya atau menunjukkan arah, memesan makanan atau barang, menerangkan mengenai pekerjaan, menerangkan

mengenai kegunaan alat-alat tertentu, menceritakan tentang tempat-tempat yang indah dan menarik untuk dikunjungi serta hobi dan kegemaran.

Aktiviti perbualan dalam peringkat II pula agak kompleks dan mendalam terutama berkaitan dengan aspek-aspek kebudayaan dan hal ehwal dunia dan semasa. Antara lain tajuk yang dipilih ialah berhubung dengan adat istiadat atau upacara sambutan hari kebesaran kaum-kaum tertentu, bangsa atau negara, istiadat atau upacara perkahwinan, kematian, hal ehwal perdagangan dan perusahaan, forum dan lain-lain.

#### **4.7. Sukatan Pelajaran Kursus Sijil Lanjutan Kecekapan Bahasa Malaysia**

Kursus Sijil Lanjutan Kecekapan Bahasa Malaysia (SLKBM) dimulakan pada sesi 1974/75. Kursus ini dikenali sebagai kursus peringkat III. Kursus selama satu tahun pengajian ini pada mulanya hanya terbuka kepada pemegang Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia Universiti Malaya (Lihat Buku Panduan Tahun Akademik 1974/75, Pusat Bahasa, universiti Malaya, Akta XXXIX(3) hal. 36).

Sukatan pelajaran dalam peringkat III berupa kesinambungan daripada pelajaran yang diajar dalam peringkat I dan II tetapi agak terperinci dan mendalam. Kandungan kursus adalah terdiri daripada tatabahasa, karangan, ringkasan, kefahaman, simpulan bahasa dan peristilahan (kosa kata).

Tatabahasa yang diajar tidak sahaja terhad kepada latihan serta latih tubi bentuk dan struktur tetapi lebih terperinci merangkumi keterangan dan penggunaan kata serta penciptaan struktur dan bentuk ayat yang lebih kompleks.

Pelajaran karangan pula meliputi penyediaan bahan-bahan akademik atau ilmiah, perbincangan dan huraiyan yang mendalam mengenai bidang iktisas serta kegiatan pelajar. Kepanjangan karangan pada peringkat ini lebih kurang 350 patah perkataan.

Ringkasan dan kefahaman pula tidak banyak beza dengan peringkat sebelumnya cuma terdapat sedikit kelainan dari segi tahap kerumitan bahasa yang digunakan serta penyediaan bahan dan isi pelajaran yang dipilih.

Satu aspek yang dianggap penting yang diberikan perhatian pada peringkat ini ialah simpulan bahasa dan peristilahan. Bidang peristilahan diajar bagi tujuan memperkenalkan pelajar dengan pelbagai istilah baru dalam pelbagai konteks penggunaan. Untuk memastikan keberkesanannya, pendekatan ini perlu kepada usaha dan inisiatif guru menerangkan kepada pelajar-pelajar mengenai konsep-konsep yang didukung oleh pelbagai istilah yang terdapat dalam bahan bacaan rujukan di samping memberi definisi istilah-istilah berkenaan.

#### 4.8. Kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia (CM)

##### Selepas Tahun 1983

Sejak tahun 1983, sukatan pelajaran bagi kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia (CM) telah dipinda dan dikemaskinikan bagi tujuan memantapkan lagi kursus tersebut. Hal ini selaras dengan pelaksanaan pengantar Bahasa Malaysia dalam pengajian di Universiti Malaya yang bermula pada sesi 1983/84. Pelaksanaan kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia dijalankan dalam tiga peringkat selama tiga tahun pengajian iaitu terdiri daripada Peringkat I (CM10), Peringkat II (CM20) dan Peringkat III (CM30). Manakala kursus Sijil Lanjutan Kecekapan Bahasa Malaysia pula

dikendalikan pada tahun keempat iaitu dikenali sebagai Peringkat IV (CM40). Tempoh kursus bagi setiap peringkat ialah satu tahun pengajian dengan jumlah masa pertembungan selama 4 - 6 jam seminggu selama lebih kurang 20 minggu.

#### **4.9. Sukatan Dan Kandungan Kursus**

Sukatan baru ini memperkenalkan sedikit perubahan dalam kandungan kursus yang diajar. Aspek utama yang dibincangkan dalam setiap peringkat ialah meliputi bidang-bidang berikut (Sukatan Pelajaran Kursus Sijil Kecekapan Bahasa - Bahasa Malaysia, PB : 187) :

- a) Tatabahasa
- b) Pertuturan
- c) Bacaan dan Kefahaman
- d) Penulisan
- e) Kerja Makmal

Sebagai tambahan, dalam peringkat III pelajaran ringkasan karangan diajar secara langsung kepada pelajar-pelajar.

#### **4.9.1. Tatabahasa**

Pelajaran tatabahasa dalam peringkat I adalah berkisar tentang pengenalan kepada bentuk dan struktur ayat dasar serta komponen-komponen subjek dan predikat, penjenisan ayat seperti ayat perintah, ayat suruhan, ayat larangan, ayat tanya, ayat silaan dan ayat seru.

Aspek morfologi pula mengutamakan latihan menggunakan imbuhan yang mudah dan kerap digunakan, penggolongan perkataan antaranya kata benda, kata kerja, kata sifat dan kata sendi. Selain itu, aspek penggunaan kata ganti diri dan kata ganti penunjuk diajar berdasarkan kesesuaian mengikut konteks budaya dan pemakaian.

Dalam peringkat II, struktur nahu yang diajar adalah terdiri daripada jenis-jenis ayat selapis, ayat berlapis, ayat kompleks serta ragam ayat pasif dan ayat aktif. Penggunaan imbuhan awalan dan akhiran diajar secara lebih menyeluruh terutama dalam konteks penggunaannya. Latihan penggunaan imbuhan amat ditekankan kepada pelajar. Aspek lain yang diajar juga meliputi bidang adjektif, umpamanya kata-kata yang

menunjukkan darjat perbandingan seperti perbandingan biasa, lebih dan paling. Jenis kata depan, kata kerja bantu dan kata penghubung juga diajar serentak atau mengikut keperluan.

Dalam peringkat III pula, pelajaran tatabahasa yang diajar adalah lebih berupa latihan lanjutan kepada penggunaan semua bentuk ayat yang telah dipelajari dalam peringkat sebelumnya. Antara lain struktur tatabahasa yang diajar di peringkat ini adalah terdiri daripada jenis-jenis ayat dengan kata kerja transitif dan intransitif, pelengkap ayat seperti pelengkap jati, semu, langsung dan tak langsung, hubungan korelasi dalam ayat, pembendaan langsung, dengan imbuhan yang berkaitan serta proses pembentukan kata nama dan kata kerja terbitan.

#### 4.9.2. Pertuturan dan Pendengaran

Dalam bahagian ini, penekanan diberi terhadap aktiviti perbualan dan perbincangan mengenai perkara-perkara tertentu. Pada peringkat I, kegiatan lisan adalah berkisar kepada topik-topik mengenai diri sendiri dan keluarga, kesihatan, pelajaran serta yang berkaitan dengan pengalaman. Aktiviti perbincangan

ini disusuli dengan latihan membuat ayat-ayat pendek atau menulis rencana yang sesuai dengan tahap penguasaan bahasa pelajar pada peringkat ini.

Di peringkat II pula, kegiatan lisan masih lagi terbatas kepada perkara-perkara yang agak mudah dan pernah dialami oleh pelajar-pelajar, umpamanya mengenai perkara-perkara yang bersabit secara langsung dengan hal-hal kehidupan sehari-hari. Latihan menulis masih lagi diutamakan untuk mempertingkatkan kemahiran pelajar.

Aktiviti perbualan di peringkat III pula agak terbuka dan meliputi tajuk-tajuk yang difikirkan munasabah atau sesuai dengan tahap penguasaan bahasa pelajar. Antara aspek yang dibincangkan ialah berhubung dengan rancangan-rancangan masa depan, hal ehwal semasa seperti dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Penglibatan pelajar-pelajar secara aktif menjadi keutamaan dalam setiap program yang dirancang terutama semasa dalam kelas.

#### **4.9.3. Bacaan dan Kefahaman**

Sukatan pelajaran bacaan dan kefahaman bertujuan menguji kemahiran membaca dan memaham di kalangan pelajar-pelajar. Pelajaran ini bermula dengan aktiviti yang mudah seperti membaca ayat-ayat yang senang dalam berbagai bentuk di peringkat rendah sehingga kepada membaca perenggan atau petikan yang panjang dan ilmiah pada peringkat pertengahan dan tinggi. Bahan-bahan atau petikan dipilih sama ada daripada buku-buku teks, majalah ataupun akhbar yang sesuai dan munasabah untuk setiap peringkat.

#### **4.9.4. Penulisan**

Aktiviti penulisan bertujuan untuk membolehkan pelajar-pelajar memantapkan kemahiran berfikir, merangka dan menulis sama ada karangan mudah atau rencana yang bersifat ilmiah termasuk juga kemahiran merangka dan menulis surat rasmi atau tidak rasmi.

Dalam peringkat rendah, penekanan adalah terhadap kebolehan pelajar menulis ayat-ayat pendek dan mudah tetapi berstruktur di samping melatih mereka menulis perenggan-perenggan pendek yang terkawal. Seterusnya dalam peringkat pertengahan,

pelajar-pelajar digalakkan menulis karangan berpandu berdasarkan tajuk-tajuk yang mudah dan sesuai dengan kemampuan atau kebolehan pelajar. Antara tajuk yang disenaraikan termasuklah huraian mengenai hal-hal yang berlaku di sekitar kehidupan sehari-hari serta perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas dan aktiviti harian pelajar.

Latihan menulis surat kiriman biasa dan rasmi juga diajar kepada pelajar-pelajar pada peringkat ini, umpamanya surat kepada kawan-kawan atau keluarga, manakala surat rasmi pula berhubung dengan permohonan pekerjaan, perniagaan dan sebagainya.

Penulisan untuk peringkat tinggi (CM30) agak kompleks dan terperinci memandangkan pelajar-pelajar telah mencapai tahap kemahiran yang tinggi dan cekap dalam penguasaan bahasa. Tajuk-tajuk semasa atau yang sesuai dengan kemampuan pelajar dipilih untuk dibincangkan dan dibuat karangan. Selain itu juga, pelajar-pelajar diperkenalkan dengan teknik menulis surat rasmi, menulis laporan serta membuat ulasan petikan.

Sebagai tambahan, pelajaran ringkasan karangan diajar pada peringkat tinggi. Ini bertujuan membolehkan pelajar-pelajar memahami petikan atau rencana serta mengeluarkan isi-isi penting yang terdapat di dalamnya.

#### **4.9.5. Kerja-Kerja Makmal**

Kerja-kerja makmal adalah melibatkan aktiviti pembelajaran dalam makmal bahasa. Kegiatan ini bertujuan melatih serta memahirkan pelajar dengan cara dan kaedah pertuturan yang berkesan terutama sebutan yang betul serta pendengaran yang cekap dan efektif. Bahan-bahan pengajaran berupa pita rakaman yang disediakan sesuai mengikut tahap dan pencapaian pelajar.

#### **4.10. Pendekatan Pengajaran Kursus Sijil Kecekapan**

##### **Bahasa Malaysia**

Berdasarkan penelitian, rujukan dan temu bual dengan kakitangan yang terlibat mengendalikan kursus sijil kecekapan ini tiap-tiap tahun, iaitu seramai 5 orang guru, terdapat beberapa kaedah serta pendekatan yang telah digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran

kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia di Pusat Bahasa.

#### 4.10.1. Pendekatan Struktural

Sebagai pandangan yang paling tradisi dalam pengajaran bahasa, pendekatan Struktural ini menjadi pilihan pertama dan kegemaran pengajar untuk digunakan semasa proses pengajaran bahasa dalam kursus sijil kecekapan ini. Pendekatan ini lebih menekankan kepada sistem-sistem yang teratur yang berkaitan dengan elemen untuk memahami struktur ayat serta makna. Semasa pengajaran bahasa dijalankan, guru-guru akan menerangkan unsur-unsur utama dalam unit fonologi, fonemik, unit tatabahasa, klausa dan ayat. Pengajaran tatabahasa dalam kelas membabitkan proses pengimbuhan, pembinaan ayat, penukargantian, pengulangan, penterjemahan dan peluasan atau transformasi ayat.

Selain itu, pengajaran tentang unsur-unsur leksikal iaitu yang ada kaitan dengan fungsi dan struktur perkataan juga diberi perhatian. Semasa pengajaran, guru-guru telah menggunakan beberapa kaedah tertentu secara sistematik.

#### **4.10.2. Kaedah Perbualan Atau Dialog**

Pertuturan adalah menjadi asas kepada hampir semua proses pembelajaran bahasa. Dengan itu, pertuturan seharusnya mendahului bacaan dan latihan menulis. Dalam pengajaran kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia (CM) ini, kaedah perbualan adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti lisan yang paling dititikberatkan oleh guru-guru semasa di dalam kelas. Ini bertujuan membolehkan pelajar-pelajar dengan mudah menguasai kemahiran menyebut dan memahami struktur bahasa yang ringkas. Guru-guru beranggapan bahawa amat penting membekalkan pelajar-pelajar dengan kemahiran menyebut yang betul dan memahami bahasa Malaysia lisan dengan baik bagi membolehkan mereka menggunakan bahasa yang dipelajari secara bebas sebelum guru-guru mengajar mereka dengan kemahiran membaca dan menulis.

#### **4.10.3. Teknik Pengajaran Melalui Perbualan**

Menerusi kaedah ini, pengajar akan mengadakan sesuatu situasi yang ada kaitan dengan dialog yang dipelajari. Guru kemudian memberi penerangan yang jelas dalam Bahasa Malaysia tentang dialog yang akan

disampaikan. Guru menunjukkan serta menentukan peranan setiap pelakon dialog.

Guru akan membimbing pelajar dengan menyampaikan contoh perbualan dalam keseluruhan dialog, manakala pelajar-pelajar akan mendengar dan memerhati dengan teliti. Latih tubi setiap ayat dalam dialog akan dibuat untuk memudahkan pelajar-pelajar mengikut dan menyebut dengan lancar dan betul. Sekiranya ayat panjang, latih tubi secara berkembang atau latih tubi soal jawab dilakukan. Aktiviti ini terlebih dahulu dibuat secara beramai-ramai kemudian barulah ditumpukan secara individu. Kaedah ini dilaksanakan sehinggalah pelajar-pelajar mampu mengikuti keseluruhan dialog.

Aktiviti seterusnya ialah dengan mengelompokkan pelajar kepada beberapa kumpulan, dengan setiap kumpulan akan memegang sesuatu peranan yang kemudiannya akan digilir-gantikan. Akhirnya, setelah pelajar-pelajar dapat mencapai beberapa kemahiran, guru meminta beberapa pasangan pelajar melakonkan kembali perbualan dalam situasi yang lebih realistik, umpamanya tanpa menggunakan teks perbualan yang disediakan. Peranan tiap-tiap pelajar ditukar-tukarkan

Harun : Khabar baik.  
Awak apa khabar?

John : Khabar baik.

Seterusnya setelah pelajar-pelajar sudah mampu menguasai perbendaharaan kata dengan agak baik, perbualan yang lebih kompleks akan dikemukakan, misalnya mengandungi ayat-ayat yang panjang dan berketerangan tetapi masih lagi mencakupi perkara-perkara yang diketahui atau pernah dialami oleh pelajar-pelajar. Pelajaran ini dirancang terutamanya untuk kursus peringkat pertengahan. Contoh perbualan yang dirancang adalah seperti berikut:

B. Aktiviti perbualan : Berjumpa Kawan.

John : Selamat petang Encik Tan. Apa khabar?

Tan : Selamat petang Encik John, khabar baik. Terima kasih. Saudara hendak pergi ke mana?

John : Saya hendak pergi ke Taman Bunga.

Tan : Saudara hendak buat apa di sana?

John : Saya hendak melihat keindahan alam. Pemandangan di sana sangat cantik. Encik Tan pula hendak ke mana?

Tan : Oh! Saya hendak ke Pejabat Pos untuk membeli setem.

Pengajaran tatabahasa menerusi kaedah ini diajar secara induktif iaitu dengan menyediakan contoh-contoh ayat untuk dipelajari dan dihafal oleh pelajar-pelajar. Selepas peringkat permulaan, iaitu selepas kemahiran menyebut dan menghafal dikuasai, guru-guru akan meminta pelajar mempraktikkannya melalui aktiviti-aktiviti membina atau mengembangkan ayat, ucapan dan lakonan.

#### 4.10.5. Teknik Menyampaikan Latih Tubi

Guru memainkan peranan penting dalam melaksanakan pengajaran bahasa menerusi kaedah latih tubi ini. Menerusi teknik ini, guru perlu terlebih dahulu memandu pelajar dengan menyebut atau membaca ayat-ayat asas yang hendak diajar di dalam kelas. Guru kemudiannya menerangkan kepada pelajar-pelajar bentuk latih tubi yang akan disampaikan dan diikuti dengan contoh pelajaran yang lengkap. Guru-guru akan memberikan panduan-panduan yang harus diikuti oleh pelajar-pelajar berdasarkan bentuk latih tubi yang ditetapkan. Sekiranya berlaku kesilapan dalam penyebutan oleh pelajar-pelajar, guru akan segera membetulkannya serta membuat ulangan beberapa kali.

Teknik ini melibatkan aktiviti latih tubi beramai-ramai di dalam kelas. Setiap struktur yang diajar diulang dua atau tiga kali untuk membolehkan pelajar-pelajar dapat memahami dengan baik.

Latih tubi seterusnya ialah dengan memberi tumpuan kepada individu di dalam kelas. Bagi mengelakkan daripada rasa bosan, guru akan cuba mempelbagaikan arahan kepada pelajar-pelajar tanpa menentukan giliran atau tidak ditumpukan kepada pelajar-pelajar tertentu sahaja.

Dalam mengajar ayat-ayat yang panjang dan susah, guru akan menggunakan teknik yang sesuai iaitu dengan mencerakinkan ayat kepada beberapa ayat pendek yang mudah difahami dan bermakna. Setelah pelajar-pelajar benar-benar faham, barulah latih tubi ditumpukan kepada keseluruhan ayat yang dikemukakan. Semasa menguji kemahiran pelajar, guru sering kali juga menukarkan bentuk-bentuk ayat umpamanya mengubah bentuk pertanyaan kepada bentuk pernyata ataupun sebaliknya.

Bagi memastikan pengajaran berlaku dengan lebih berkesan, kaedah ini banyak dibantu oleh penggunaan

alat rakaman iaitu radio kaset. Pelajar-pelajar dikehendaki mengajuk dan menghafal rakaman yang disediakan. Sekiranya perlu, guru-guru akan menggunakan makmal bahasa untuk tujuan ini.

Wan Omar Rasdi dan Hasan Ali (1976) telah menyenaraikan beberapa cara dan tahap latih tubi yang dijalankan oleh guru semasa mengajar bahasa di dalam kelas. Antara aktiviti latih tubi yang dijalankan ialah seperti latih tubi gantian mudah dalam ruangan tetap, latih tubi berkembang, latih tubi ulangan serta latih tubi bersambut.

#### 4.10.5.a. Latih Tubi Gantian Mudah Di Ruangan Tetap

Aktiviti latih tubi gantian mudah di ruangan tetap ini diajar bertujuan membiasakan pelajar-pelajar menggantikan perkataan lain yang sesuai dalam ruangan yang sama dalam ayat-ayat yang disediakan. Kaedah ini membolehkan pelajar menguasai seberapa banyak kosa kata yang boleh mengambil tempat tertentu dalam ayat. Gantian tetap dibuat sama ada pada awal ayat menduduki tempat subjek, di tengah ayat pada kedudukan kata inti dalam predikat ataupun di bahagian akhir sebagai objek

atau keterangan. Contoh pelajaran untuk aktiviti seperti ini ialah seperti di bawah:

Selamat pagi *cikgu*  
*tuan*  
*encik*  
*John*

Selamat *tengah hari* *cikgu*  
*sejahtera*  
*petang*  
*pagi*

#### 4.10.5.b. Latih Tubi Berganda Dalam Ruangan Tetap

Pelajaran ini merupakan kegiatan menukar ganti pasangan pada dua atau lebih kedudukan yang tetap dalam ayat. Contohnya adalah seperti berikut:-

Dia akan pergi *esok*.  
*sudah* *semalam*.  
*telah* *minggu lepas*.  
*hendak* *bulan depan*.

#### 4.10.5.c. Latih Tubi Gantian Mudah

Di Ruangan Tidak Tetap

Teknik pembelajaran begini menghendaki pelajar-pelajar membina struktur ayat dengan menggantikan perkataan-perkataan tertentu pada kedudukan yang sesuai. Semasa proses pengajaran berjalan, pelajar-pelajar disediakan satu ayat lengkap kemudian dikemukakan beberapa kata gantian (panduan) yang boleh digantikan pada kedudukan tertentu. Aktiviti sebegini dapat menguji kecekapan pelajar menukar gantu serta menggunakan perkataan dalam kedudukan yang betul. Contoh aktiviti ini ialah seperti di bawah:-

| <u>Kata Gantian</u> | <u>Ayat</u> : Saya hendak membeli <i>kasut</i> .      |
|---------------------|---|
| <i>baju</i>         | Saya hendak membeli <i>baju</i> .                     |
| <i>dia</i>          | <i>Dia</i> hendak membeli <i>baju</i> .               |
| <i>seluar</i>       | <i>Dia</i> hendak membeli <i>seluar</i> .             |
| <i>sedang</i>       | <i>Dia sedang</i> membeli <i>seluar</i> .             |
| <i>mereka</i>       | <i>Mereka</i> sedang membeli <i>seluar</i> .          |
| <i>membasuh</i>     | <i>Mereka</i> sedang <i>membasuh</i> <i>seluar</i> .  |
| <i>pakaian</i>      | <i>Mereka</i> sedang <i>membasuh</i> <i>pakaian</i> . |

#### 4.10.5.d. Latih Tubi Gantian Berganda Di Ruangan

##### Tidak Tetap

Aktiviti latih tubi gantian berganda di ruangan tidak tetap diajar bagi membolehkan pelajar menguasai

kemahiran menukargantikan perkataan dalam kedudukan lebih daripada satu tempat dalam ayat. Contoh pelajaran seperti ini ialah:-

|                           |                                     |
|---------------------------|-------------------------------------|
| <u>Kata Gantian</u>       | <u>Ayat</u> : Buku saudara di situ. |
| <i>anda; di sana</i>      | Buku <i>anda di sana</i> .          |
| <i>kami; di atas meja</i> | Buku <i>kami di atas meja</i> .     |
| <i>Beg: di sana</i>       | <i>Beg kami di sana</i> .           |
| <i>Pakaian: mereka</i>    | <i>Pakaian mereka di sana</i> .     |

#### 4.10.5.e. Latih Tubi Bersambut (Response Drill)

Latih tubi bersambut berupa kaedah pembelajaran yang menggalakkan pelajar menjawab soalan-soalan dengan tepat berdasarkan kata yang berfungsi sebagai pemandu jawapan. Aktiviti ini dapat melatih pelajar memahami dan membina ayat dengan cekap berpandukan kata gantian yang dikemukakan kepada mereka. Contoh aktiviti pelajar seperti ini ialah seperti berikut:-

| <u>A.</u> | <u>Soalan</u>               | <u>Panduan</u>   | <u>Jawapan</u>                               |
|-----------|-----------------------------|------------------|--|
|           |                             |                  | Saya hendak pergi ke sekolah.                |
|           | Encik hendak pergi ke mana? | <i>ke bandar</i> | Saya hendak pergi <i>ke bandar</i> .         |
|           | Mereka                      | <i>ke pasar</i>  | <i>Mereka</i> hendak pergi <i>ke pasar</i> . |

Bapa saya pulang dari pasar.

| <u>B.</u> | <u>Soalan</u>             | <u>Panduan</u> | <u>Jawapan</u>                |
|-----------|---------------------------|----------------|-------------------------------|
|           | Anda sudah makan nasikah? | Sudah          | Sudah, saya sudah makan nasi. |
|           |                           | Ya             | Ya, saya sudah makan nasi.    |
|           |                           | Belum          | Belum, saya belum makan nasi. |
|           |                           | Tidak          | Tidak, saya belum makan nasi. |

#### 4.10.5.f. Latih Tubi Mengubah Bentuk

Teknik ini diajar untuk membolehkan pelajar menguasai kecekapan mempelbagaikan bentuk atau struktur ayat tanpa mengubah maksud ayat yang disediakan. Contoh pelajaran adalah seperti berikut:-

| <u>Guru</u>                                   | <u>Pelajar</u>   |
|---|--|
| Saya belajar bahasa Malaysia <b>semalam</b> . | <b>Semalam</b> saya belajar bahasa Malaysia.             |
| Kelmarin saya dan kawan-kawan pergi berkelah. | Saya pergi berkelah dengan kawan-kawan <b>kelmarin</b> . |

*Petang esok* kami  
hendak balik.

Kami hendak balik  
*petang esok.*

Malam tadi saya  
tidak dapat tidur.

Saya tidak dapat  
tidur *malam tadi.*

#### 4.10.5.g. Latih Tubi Menyambung Ayat

Aktiviti ini telah diajar bagi tujuan memahirkan pelajar menggunakan kata penghubung yang betul untuk menghubungkan ayat-ayat yang disediakan. Guru terlebih dahulu menyediakan dua atau lebih ayat pendek atau ayat dasar, kemudian pelajar-pelajar menyambungkan ayat-ayat tersebut menjadi satu ayat yang panjang dengan menggunakan kata penghubung yang sesuai. Contoh penggunaan kata penghubung adalah seperti sebab, kerana dan lain-lain. Contoh aktiviti pengajaran cara ini adalah seperti berikut:-

Guru : Dia hendak makan. Dia lapar.

Pelajar : Dia hendak makan *kerana* dia lapar.

Guru : John hendak minum.

John hendak minum air. John haus.

Pelajar : John hendak minum air *kerana* dia haus.

Guru : Mereka pandai. Mereka rajin belajar.

Pelajar : Mereka pandai *kerana* mereka rajin belajar.

#### 4.10.5.h. Latih Tubi Berkembang (Expansion Drill)

Penggunaan teknik latih tubi berkembang boleh menggalakkan pelajar-pelajar menguasai perbendaharaan kata yang luas untuk tujuan mengembangkan ayat yang ringkas. Pelajar-pelajar dikehendaki menyambung ayat dengan menggunakan perkataan atau frasa yang sesuai dan betul untuk membentuk ayat yang lebih panjang dan berketerangan. Contoh aktiviti adalah seperti berikut:-

|    |                          |   |
|----|--------------------------|---|
| A. | <u>Panduan</u>           | <u>Ayat</u> : Dia rajin.  |
|    | sangat                   | Dia <b>sangat</b> rajin.  |
|    | belajar                  | Dia sangat rajin <b>belajar</b> .   |
|    | Bahasa Malaysia          | Dia sangat rajin belajar<br><b>Bahasa Malaysia</b> .                                |
|    | sebab itu dia<br>pandai  | Dia sangat rajin belajar<br>Bahasa Malaysia <b>sebab itu</b><br><b>dia pandai</b> . |
| B. | <u>Panduan</u>           | <u>Ayat</u> : Dia memberitahu saya<br>sesuatu.                                      |
|    | yang dia akan<br>belajar | Dia memberitahu saya <b>yang dia</b><br><b>akan belajar</b> .                       |
|    | Bahasa Malaysia          | Dia memberitahu saya yang dia<br>akan belajar <b>Bahasa Malaysia</b> .              |

*sebab dia hendak pergi ke kampung-kampung.* Dia memberitahu saya yang dia akan belajar Bahasa Malaysia *sebab dia hendak pergi ke kampung-kampung*

#### 4.11. Rumusan

Berdasarkan huraiyan di atas dapat dilihat bahawa dalam pengajaran Bahasa Malaysia melalui kursus Sijil Kecekapan penekanan diberikan kepada semua kemahiran berbahasa serta dengan kefahaman kepada bentuk dan fungsi bahasa. Namun, penekanan dalam pembelajaran masih menggunakan unsur-unsur formalistik dalam bahasa. Tatabahasa menjadi teras kepada pelbagai aspek kemahiran dalam pembelajaran.

Untuk mencapai tahap kemahiran yang tinggi dalam penguasaan bahasa pelajar, pelbagai pendekatan dan teknik pula telah digunakan. Ini adalah untuk memastikan supaya pelajar dapat benar-benar menguasai bahasa pada tahap-tahap tertentu. Kesungguhan ini mungkin timbul kerana perancang dan pengajar sedar bahawa pada tahap ketiga, kelulusan bererti persamaan taraf dengan pencapaian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

#### **4.12. KURSUS INTENSIF BAHASA MALAYSIA (KIBM)**

Kursus Intensif Bahasa Malaysia (KIBM) telah dikendalikan oleh Pusat Bahasa sejak 1972. Kursus ini dijalankan untuk kemudahan kakitangan akademik dan juga kakitangan am Universiti Malaya bagi tujuan membantu mereka yang kurang cekap dalam penguasaan Bahasa Malaysia. Matlamat utama kursus ialah bagi membolehkan mereka ini menjalankan tugas-tugas akademik ataupun pentadbiran dengan tahap penggunaan Bahasa Malaysia yang baik dan tepat. Komponen pelajaran yang diajar dalam kursus intensif ini ditentukan serta disesuaikan mengikut konteks keperluan semasa di Universiti Malaya.

Dari segi sejarah pelaksanaan kursus, Kursus Intensif Bahasa Malaysia sebenarnya mula diperkenalkan dengan berdasarkan kaedah pengajaran Bahasa Malaysia kepada Sukarelawan Amerika (Peace Corp.) yang bertugas di Malaysia sekitar akhir tahun 1960-an dan awal 1970-an (Wan Omar Rasdi dan Hasan Ali, 1982:1).

##### **4.12.1. Pelaksanaan Kursus Intensif Bahasa Malaysia**

Dari segi pelaksanaannya, kursus intensif ini berbeza dengan kursus fakulti atau kursus kecekapan

terutama dari aspek kepadatan jam pertembungan, jumlah masa pengajaran dan juga komponen pelajaran yang disampaikan.

Pelaksanaan Kursus Intensif Bahasa Malaysia dijalankan pada masa cuti panjang universiti dan ia dikendalikan iaitu selama enam (6) minggu pada kadar 4 jam pertembungan sehari atau 20 jam seminggu. Jadi jumlah keseluruhannya ialah 120 jam pertembungan (Buku Panduan Pusat Bahasa 1990/91 : 41).

Sukatan pelajaran kursus ini disusun mengikut peringkat kemampuan atau kebolehan bahasa pelajar iaitu terdiri daripada Peringkat Rendah, Peringkat Pertengahan dan Peringkat Tinggi. Aktiviti lisan atau pertuturan amat dipentingkan dalam semua peringkat kursus. Pemilihan bahan pengajaran dibuat dengan mengambil kira segala aspek kepentingan semasa dan dianggap memberi manfaat terhadap perkembangan dan kemajuan Bahasa Malaysia terutama bagi sesuatu keperluan yang terdesak atau segera.

#### 4.12.2. Matlamat Kursus

Kursus tiga peringkat ini menggariskan matlamat tertentu yang akan dicapai oleh pelajar bagi setiap peringkat pembelajaran.

##### 4.12.2(a) Peringkat Rendah

Matlamat pembelajaran di peringkat rendah sekurang-kurangnya membolehkan pelajar mampu menggunakan Bahasa Malaysia untuk keperluan sehari-hari. Buku Panduan Pusat Bahasa menggariskan matlamat tertentu yakni pada akhir kursus enam minggu ini seseorang peserta dijangka:-

- a) Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia untuk keperluan seharian - boleh bercerita dan bersoal jawab mengenai diri sendiri, keluarga dan sahabat handai.
- b) Boleh membaca dan memahami petikan-petikan mudah yang sesuai untuk peringkat ini.
- c) Boleh menulis ayat-ayat dan karangan pendek bagi mengungkapkan pengalamannya.

#### 4.12.2(b) Peringkat Pertengahan

Secara umumnya matlamat kursus peringkat pertengahan bertujuan membolehkan peserta menggunakan Bahasa Malaysia yang agak tepat serta mampu menguasai perbendaharaan kata untuk memudahkan peserta melibatkan diri dalam aktiviti perbualan sama ada secara formal mahupun tidak formal. Mereka juga diharap dapat menguasai kemahiran memaham petikan atau perbualan yang sederhana. Secara lebih terperinci, matlamat kursus di peringkat ini, sebagaimana yang digariskan dalam Buku Panduan Pusat Bahasa (1990/91 : 41) ialah pada akhir kursus enam minggu, peserta-peserta dijangka:

- a) Boleh memahami dan menggunakan Bahasa Malaysia pertuturan yang bersetujuan dalam situasi sosial dan profesional.
- b) Boleh berinteraksi dengan rakan-rakan sejawat mengenai perkara-perkara harian dan perjawatan.
- c) Boleh membaca dan memahami petikan-petikan yang sederhana dari majalah dan buku-buku.
- d) Boleh menulis karangan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan:

- i) Pengalaman harian
- ii) Surat-surat rasmi mahupun tidak rasmi yang berkaitan dengan pekerjaan dan perniagaan

#### 4.12.2(c) Peringkat Tinggi

Di peringkat tinggi pula peserta diharap dapat menguasai kemahiran bahasa yang tinggi dengan keupayaan menggunakan Bahasa Malaysia yang lebih fasih dan tepat dalam semua peringkat. Selain itu para peserta dijangkakan dapat menguasai tahap pemahaman yang tinggi serta boleh mengambil bahagian dalam pelbagai bentuk perbualan mengikut pengalaman dengan taraf kefasihan yang baik serta dapat menggunakan perbendaharaan kata yang tepat dan sesuai. Dari segi pengurusan pula peserta-peserta boleh mengendalikan tugas-tugas akademik ataupun iktisas dalam Bahasa Malaysia.

Secara lebih khusus, matlamat kursus ini seperti yang digariskan dalam Buku Panduan Pusat Bahasa (Sesi 1990/92 : 42) ialah selepas enam minggu di peringkat ini peserta-peserta dijangka:

- a) Boleh menggunakan dan menerapkan bentuk-

bentuk pertuturan dalam Bahasa Malaysia ke dalam berbagai konteks profesional, akademik dan sosial.

- b) Boleh berbincang mengenai tajuk-tajuk khusus umpamanya aspek-aspek ekonomi, sosial dan politik.
- c) Boleh menyampaikan ceramah dan berbincang tentang isu-isu tertentu.
- d) Boleh membaca dan memahami petikan-petikan daripada buku dan jurnal dan boleh mentafsir maklumat yang diberikan dalam bentuk bukan prosa (non-linear).
- e) Boleh menulis surat-surat pentadbiran, perniagaan dan laporan dan membuat rumusan, petikan daripada buku dan jurnal.

Dalam semua peringkat kursus, aktiviti-aktiviti bahasa sentiasa diberi penekanan selain daripada apa yang disediakan dalam teks. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti sedemikian bergantung kepada tahap kemahiran atau kebolehan peserta-peserta (Wan Omar Rasdi, 1982:4)

#### 4.13. Pendekatan Pengajaran KIBM

Pendekatan pengajaran bagi Kursus Intensif Bahasa Malaysia agak berbeza bagi setiap peringkat. Bagi peringkat rendah, sukanan pelajaran yang dirancang agak mudah serta sesuai dengan kemampuan berbahasa peserta. Pada peringkat ini dua buah teks yang lengkap dengan rakaman kaset digunakan dalam pengajaran. Teks yang digunakan tersebut ialah *Kursus Permulaan Bahasa Malaysia I* yang disediakan Wan Omar Rasdi dan Hasan Ali, manakala yang kedua ialah *Kursus Permulaan Bahasa Malaysia Buku II* oleh Prof Hajah Asmah Hj. Omar.

Buku-buku teks bagi peringkat permulaan ini, terutama dalam buku I banyak mengandungi petikan dialog serta latih tubi yang mementingkan sesuatu pendekatan atau teknik pengajaran tertentu. Di samping itu, pemilihan ayat-ayat yang digunakan dalam pengajaran merupakan bentuk ayat mudah yang sering digunakan dalam perbualan sehari-hari. Manakala verbendaharaan kata yang dipilih adalah meliputi kata-kata yang dijangka mempunyai kekerapan yang tinggi dalam pemakaian bahasa semasa. Buku II pula banyak mengandungi latihan dalam menggunakan pola-pola dan

struktur kata tertentu. Sebagai lanjutan daripada pelajaran dalam buku I, pola-pola dan latihan dalam buku II adalah lebih bersifat intensif.

Walau bagaimanapun sukanan dan bahan pengajaran tidak terikat kepada bahan yang sama setiap masa. Pemilihan bahan pengajaran diubah dan dikemaskinikan dari masa ke masa mengikut kesesuaian dan keperluan semasa. Selain daripada bahan teks yang disebut di atas, terdapat juga teks pelajaran bagi Kursus Intensif Bahasa Malaysia lain yang telah disediakan bersama oleh Abd. Mutalib Yaakob, Abd. Shukor Hj. Mohd. Tahir, Haji Shaarani Hj. Hasan dan Yahya Hussin. Ianya disunting dan disusun oleh Mohd. Tahir Abd. Rahman.

Teks yang mengandungi 23 pelajaran ini memberi penekanan kepada pelbagai aspek kemahiran asas berbahasa sama ada dari segi perbualan atau penulisan. Pemilihan bahan banyak menekankan kepada aktiviti atau latihan pertuturan seperti melibatkan perbualan, latihan mengulang, penyebutan dan pemahaman makna perkataan, penukargantian perkataan dalam ayat, menyempurnakan ayat atau latihan mengisi tempat kosong, latihan membina soalan daripada jawapan yang

disediakan, bacaan dan kefahaman, perbendaharaan kata dan lain-lain.

Dari segi kaedah pengajaran, pelajar-pelajar di peringkat rendah diberi latihan pertuturan sepenuh masa pada minggu pertama dan kemudiannya dikurangkan beransur-ansur bagi minggu-minggu berikutnya. Kebanyakan pelajaran diajar berdasarkan kaedah audio-lingual.

#### 4.13.1. Aktiviti Perbualan

Aktiviti perbualan bertujuan membiasakan peserta membina kemahiran bertutur dengan menggunakan bahasa sasaran terutama berkaitan aspek yang dijangka perlu dan kerap digunakan sehari-hari. Antara lain berkaitan dengan bertanya khabar, memperkenalkan diri, bertanya arah atau tempat tinggal ataupun tempat kerja dan lain-lain. Contoh pelajaran seperti berikut (Teks Pelajaran KIBM, Peringkat Rendah : 1):

##### Perbualan : Bertanya Khabar

A : Selamat pagi.

B : Selamat pagi.

A : Apa khabar?

- B : Khabar baik.  
A : Nama encik siapa?  
B : Nama saya Bakar.  
A : Terima kasih.  
B : Sama-sama.

#### 4.13.2. Aktiviti Latih Tubi atau Penggantian

##### Perkataan Dalam Ayat

Pelajar-pelajar diberikan satu contoh ayat terlebih dahulu, kemudian mereka diperkenalkan dengan perkataan lain yang sesuai digantikan di tempat tertentu. Terdapat berbagai bentuk latihan seperti ini dilaksanakan di dalam kelas, antaranya ialah seperti contoh berikut (Teks Pelajaran KIBM Peringkat Rendah : 10) :

(i) Anda tinggal di mana?

Dia

Bakar

Mereka

Awak

(ii) Saya tinggal di Petaling Jaya.

Bangsar.

Damansara.

Kajang.

(iii) Anda makan di mana?

bekerja

belajar

tidur

(iv) Saya hendak poskan bungkusan ini.

Saya hendak ..... bungkusan ini (irim)

Saya hendak kirim bungkusan ... (itu)

Saya ..... kirim bungkusan itu (sudah)

Saya sudah kirim ..... itu (surat)

(belum, dia, berkenaan, hantar, wang)

(v) Tolong unjukkan gula itu kepada saya.

Tolong unjukkan .... itu kepada saya.

(garam, kopi, cili, sudu, garpu, lada,

pisau, cawan, teko, piring, pinggan)

#### 4.13.3. Aktiviti Menyempurnakan Ayat atau

##### Karangan Pendek

Pelajar-pelajar dikemukakan satu contoh ayat lengkap yang mudah sebagai panduan. Pelajar-pelajar kemudianya dikehendaki menyempurnakan bahagian-bahagian tertentu yang telah dikosongkan berpandukan

ayat contoh yang disediakan. Contoh teknik ini ialah seperti berikut:

(i) Pada hari Ahad lalu saya telah pergi ke Pantai Morib.

Pada ..... saya telah pergi ke Pantai Morib.

Pada pukul dua tadi ..... dari perpustakaan.

(ii) Nama bapa saya ialah ..... dan nama emak saya ialah .....

Keluarga kami ada ..... orang semuanya.

Selain daripada saya, .....

Sekarang saya tidak tinggal .....  
..... kerana .....

Ibu bapa saya .....di .....

#### 4.13.4. Aktiviti Kefahaman

Bagi pelajaran kefahaman, guru menyediakan petikan dalam lingkungan 50 hingga 150 patah perkataan untuk dibaca dan difahami oleh pelajar. Guru menyenaraikan perkataan yang sukar atau yang perlu dikuasai oleh pelajar. Latihan penyebutan diberi penekanan sambil pelajar dikehendaki memahami maksud

perkataan. Pelajar digalakkan mencari makna perkataan tertentu. Soalan kefahaman akan menyusul selepasnya dan pelajar diminta menjawab sama ada secara lisan atau bertulis berpandukan petikan yang disediakan.

#### 4.13.5. Teknik Membina Soalan Daripada Jawapan

Melalui teknik ini, pelajar diajar membina soalan berdasarkan jawapan yang telah disediakan. Pelajar dikehendaki menggunakan kata tanya yang sesuai bagi setiap soalan yang dibuat. Jawapan-jawapan yang disediakan boleh dibuat secara bebas ataupun berdasarkan petikan tertentu yang disediakan terlebih dahulu. Contoh pelajaran seperti ini ialah:

- (i) Isteri saya membuat kerja di pekarangan rumah pada tiap-tiap pagi.

Soalan : Bilakah masanya isteri saya membuat kerja di pekarangan rumah?

- (ii) Tukang kebun membantunya membuat kerja itu.

Soalan : Siapakah .....?

Bagi peringkat pertengahan, teks serta bahan-bahan pengajaran disediakan oleh tenaga pengajar Bahasa Malaysia secara bergilir-gilir setiap tahun.

Teks Pelajaran Kursus Intensif Bahasa Malaysia yang digunakan untuk peringkat pertengahan ini telah disusun oleh Haji Shaarani Haji Hasan (Bahagian Rakaman), Noor Zaini Mohd. Ali (Bahagian Aktiviti) dan Mohamed Tahir Abd. Rahman (Bahagian Kefahaman dan Latihan). Kebiasaan teks yang disusun mengandungi berbagai bentuk bahan pelajaran yang dianggap sesuai bagi tahap kemahiran pelajar di peringkat ini. Bahan petikan dalam pelbagai bidang yang diambil daripada surat khabar, majalah atau buku digunakan sebagai bahan perbincangan.

Di peringkat pertengahan ini, pelajaran yang diutamakan termasuklah aspek tatabahasa, penulisan, pengkayaan bahasa dan perbendaharaan kata serta aktiviti kefahaman. Bagi memperkuuhkan kemahiran lisan, pelajar-pelajar digalakkan mengadakan perbincangan, forum atau memberi pendapat. Dengan cara ini pelajar-pelajar mampu mempertingkatkan penguasaan kemahiran bertutur di samping menambah kosa kata. Latihan melengkapkan ayat masih diberi penekanan dalam penulisan. Berdasarkan Teks Pelajaran KIBM peringkat pertengahan, dikemukakan beberapa contoh aktiviti pengajaran yang dilaksanakan di dalam kelas:

#### **4.13.6. Kefahaman Dan Memberi Pendapat**

Selain daripada menjawab soalan-soalan kefahaman berpandukan petikan yang disediakan oleh guru, pelajar juga digalakkan mengemukakan pendapat berdasarkan persoalan yang dikemukakan sama ada secara bertulis atau lisan semasa di dalam kelas.

#### **4.13.7. Aktiviti Melengkapkan Ayat**

Bagi aktiviti melengkapkan ayat, pelajar dikehendaki menyempurnakan ayat dengan menggunakan perkataan atau frasa sendiri berpandukan contoh ayat yang disedaikan dengan mengekalkan struktur ayat contoh, umpamanya:

(i) Kekurangan makanan merupakan salah satu punca kekurangan zat makanan.  
..... merupakan salah satu .....

(ii) Parasit usus boleh menyebabkan kekurangan zat makanan.  
..... boleh menyebabkan .....

Pemilihan bahan pengajaran untuk peringkat tinggi lebih kompleks dan menyeluruh serta menggunakan

bahan petikan yang lebih tinggi. Teks pelajaran untuk kursus peringkat ini telah disusun oleh En. Mohd. Tahir Haji Abd. Rahman dan Mohd. Nadzar Mohd. Sharif. Walau bagaimanapun, bahan-bahan sampingan boleh digunakan mengikut keperluan semasa dan disediakan oleh guru-guru yang mengajar. Kebanyakan pelajaran yang disusun dimulakan dengan teks bacaan dan kefahaman. Petikan yang dipilih selalunya bersifat ilmiah atau mengandungi pengetahuan yang berkaitan dengan aspek-aspek kehidupan, kebudayaan, pekerjaan dan lain-lain. Petikan diambil daripada surat khabar atau majalah. Memandangkan pelajar-pelajar di peringkat ini dianggap mempunyai kemampuan memaham yang tinggi dan cekap, maka sukanan pelajaran yang disediakan juga mengandungi bahasa yang agak tinggi.

Dari segi kaedah pembelajaran, pelajar-pelajar lebih banyak didedahkan dengan pelajaran kefahaman dan perbincangan berpandukan petikan yang disediakan. Pelajar-pelajar digalakkan memberi jawapan berdasarkan petikan atau memberi jawapan dan pendapat sendiri mengikut kemampuan seseorang.

Bagi menguji kemahiran berbahasa pelajar, latihan melengkapkan struktur ayat dengan menggunakan

perkataan sendiri banyak diberikan kepada pelajar, umpamanya contoh berikut:

*Melengkapkan Struktur Ayat*

- a) Memandangkan penggunaan dapur gas semakin meningkat, maka .....
- b) Memandangkan harga petrol semakin meningkat maka, .....
- c) Memandangkan banyak kemalangan berlaku maka,  
.....

Pelajaran imbuhan juga diajar secara langsung. Pengajaran imbuhan lebih menekankan kepada konsep pemakaianya dalam ayat untuk menjelaskan fungsi dan maksudnya. Semasa mengajar imbuhan, guru menerangkan fungsi dan jenis imbuhan kemudian guru akan menunjukkan kaedah penggunaan serta maksudnya dalam ayat. Di samping itu, pelajar-pelajar digalakkan membuat ayat sendiri dengan menggunakan perkataan berimbuhan. Sebagaimana yang terdapat dalam *Teks Pelajaran KIBM untuk Peringkat Tinggi*, contoh pelajaran imbuhan yang diajar ialah seperti berikut (halaman : 5):

a) Imbuhan meN- dengan kata kerja

Awalan meN- apabila diimbuhkan kepada kata kerja akan membawa maksud membuat atau melakukan, misalnya membuka, memukul dan mendukung.

b) Imbuhan meN- dengan kata sifat

Guru menjelaskan bahawa pengimbuhan meN- kepada kata sifat akan menghasilkan kata kerja terbitan yang mendukung makna menjadi, misalnya;

memutih - menjadi putih

memanjang - menjadi panjang

Seterusnya pelajar diperlihatkan contoh penggunaannya dalam ayat seperti berikut;

Rambutnya sudah memutih.

Tali getah itu memanjang ke bawah.

Pelajaran lain yang melengkapi sukanan pelajaran di peringkat tinggi ialah meliputi pemahaman kosa kata, jenis-jenis perkataan dan ayat, cakap ajuk dan cakap pindah, peribahasa dan simpulan bahasa, perbincangan serta memberi pendapat dan yang dianggap penting juga ialah penulisan karangan.

#### **4.14. Kaedah Pengajaran Dalam KIBM**

Dalam pengajaran bahasa Melayu guru-guru sering menggunakan beberapa kaedah yang dianggap penting dan berkesan bagi mempertingkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa pelajar. Antara kaedah yang kerap digunakan ialah Kaedah Menyampaikan Dialog, Kaedah Menyampaikan Latih Tubi serta Aktiviti Latihan Tunjuk Cara Mengajar (Peer Teaching) ataupun Aktiviti Takdim Syarahan.

##### **4.14.1. Kaedah Menyampaikan Dialog**

Menerusi kaedah ini, guru-guru akan mewujudkan suatu situasi seperti lakonan, drama, mesyuarat, forum atau sebagainya. Guru memberi penerangan dan menjelaskan peranan yang harus dimainkan oleh setiap pelajar. Sekiranya bahan disediakan terlebih dahulu, guru akan menunjukkan contoh percakapan atau dialog sekurang-kurangnya dua kali manakala pelajar-pelajar akan mendengar dan memerhati dengan teliti. Jika perlu, latih tubi perkataan atau ayat boleh dibuat untuk memastikan pelajar benar-benar faham dan boleh menyebut dengan betul. Guru juga boleh mengambil bahagian dalam dialog bagi membantu pelajar

mengikutinya dengan baik. Pelajar sebaik-baiknya diberi peranan yang berbeza-beza untuk membolehkan mereka membiasakan diri dengan situasi dan juga dapat menguasai kosa kata yang berlainan. sekiranya terdapat perkataan yang sukar dalam dialog, guru bolehlah menerangkan makna perkataan tersebut menerusi aksi atau gerak geri dalam lakonan.

#### **4.14.2. Kaedah Menyampaikan Latih Tubi**

Kaedah latih tubi sebenarnya merupakan kaedah yang paling kerap dan popular dilaksanakan dalam pengajaran bahasa Melayu. Kaedah ini kerap diajar kepada pelajar-pelajar yang baru mempelajari bahasa Melayu terutama di peringkat rendah dan pertengahan. Dalam melaksanakan kaedah ini, guru-guru banyak memainkan peranan terutama dalam membuat ulangan pada perkataan atau frasa yang diajar.

Pelbagai teknik latih tubi telah dijalankan di dalam kelas dan teknik ini telah banyak dibincangkan dalam bahagian kursus kecekapan dalam bab ini. Latih tubi dijalankan sama ada secara individu atau beramai-ramai. Semasa mengajar latih tubi ayat yang panjang, guru akan mencerakinkannya kepada beberapa ayat yang

kecil atau pendek bagi memudahkan pelajar-pelajar mengikuti dan memahami makna dan strukturnya. Kadang-kala bentuk-bentuk ayat ditukargantikan bagi membiasakan pelajar dengan pelbagai bentuk ayat yang berlainan. Untuk lebih menarik lagi, pelajaran latih tubi dilakukan berpandukan soal jawab. Dengan cara ini akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar mencari perkataan sendiri dan menjawab secara bebas asalkan menepati struktur ayat yang diajar.

#### **4.14.3. Kaedah Tunjuk Cara Mengajar atau Takdim**

##### **Syarahan**

Menerusi kaedah Tunjuk Cara Mengajar ataupun Takdim Syarahan, pelajar-pelajar dikehendaki mengambil bahagian dalam latihan mengajar atau menyampaikan ucapan ataupun ceramah. Biasanya kaedah ini dilaksanakan kepada pelajar-pelajar di peringkat tinggi. Menerusi kaedah ini, pelajar-pelajar berpeluang bertutur dan menyampaikan ucapan dengan bebas dalam jangka masa yang tertentu misalnya selama 30 minit. Peserta-peserta lain akan menjadi pelajar atau pendengar dan berpeluang bersoal jawab dengan 'pembicara'. Tajuk-tajuk disediakan sendiri oleh pelajar-pelajar atau guru juga boleh menentukan tajuk

ang sesuai. Pelajar-pelajar biasanya berusaha membuat persiapan rapi dan berlatih sebelum melakukan aktiviti atau persembahan. Guru-guru sentiasa memastikan pencapaian pelajar dengan meneliti segala aspek kemahiran atau kelemahan pelajar, antaranya berkaitan dengan intonasi dan sebutan, struktur dan tatabahasa, perbendaharaan kata, kefasihan serta kefahaman. Akhir sekali guru menerangkan atau memberi komen tentang pencapaian atau kelemahan pelajar.

#### 14.5. Rumusan

Daripada penelitian di atas kita dapati bahawa pengajaran bahasa Melayu secara intensif banyak menekankan kepada pelbagai aspek kemahiran. Kandungan pelajaran yang dirancang disesuaikan dengan tempoh masa yang agak singkat iaitu selama enam minggu sahaja. Memandangkan kebanyakan penuntut yang mengikutinya adalah terdiri daripada kakitangan akademik yang perlu mencapai tahap kemahiran yang memuaskan terutama bagi tujuan mengendalikan kursus dalam bahasa kebangsaan maka kaedah pengajaran juga disesuaikan dengan keperluan semasa. Dengan itu, kaedah pengajaran yang berorientasikan perbualan, komunikasi dan pengajaran diberi penekanan yang lebih.

Kejayaan sesuatu kursus yang dirancang bergantung kepada perancangan dan pelaksanaan yang teratur dan berkesan. Selain daripada itu, kesesuaian pendekatan selaras dengan keperluan semasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa perlu diberi perhatian oleh guru-guru. Memandangkan hampir kesemua tenaga pengajar dan kakitangan Universiti Malaya sudah mempunyai kelayakan Bahasa Melayu yang memuaskan dan mereka tidak perlu lagi mengikuti kursus bahasa Melayu, maka perancangan alternatif dibuat untuk menarik pelajar-pelajar dari kalangan bangsa asing atau orang luar seperti tenaga pengajar pelawat atau doktor dari luar negara yang ingin mempelajari atau mempertingkatkan kemahiran bahasa Melayu. Justeru, sukatan serta kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu juga turut dikemaskinikan sesuai dengan perancangan dan keperluan semasa, umpamanya lebih mementingkan kaedah komunikasi atau interaksi .

#### **4.16. Kursus Diploma Bahasa Malaysia**

Kursus Diploma Bahasa Malaysia dilaksanakan mulai tahun 1989. Komponen kursus tidak lagi terikat kepada aspek-aspek berkaitan dengan bahasa dan

kebahasaan semata-mata tetapi lebih jauh mencakupi disiplin bahasa serta hubungannya kehidupan sosial yang menyeluruh seperti adat istiadat pentadbiran, kehidupan sosial dan sebagainya.

Matlamat utama kursus ialah bagi membolehkan pengguna bahasa mengetahui ciri-ciri serta konsep bahasa Melayu secara mendalam tujuan bagi mengelakkan berlakunya penyimpangan atau salah adat dalam penggunaan bahasa. Pelaksanaan pengajaran kursus ini adalah berlandaskan kepada disiplin ilmu linguistik serta hubungan dengan bidang-bidang yang lain seperti sosiolinguistik dan psikolinguistik.

Menurut Tuan Said Halim Said Nong dalam kertas kerjanya (1996) telah menggariskan antara lain tujuan besar program kursus Diploma Bahasa Malaysia ialah:

- a) Memperkayakan pandangan, pemikiran dan pengalaman individu dalam pembelajaran dan penggunaan bahasa.
- b) Meningkatkan kemahiran berbahasa semasa berunding dari segi pengertian dan penggunaan bahasa di dalam situasi formal dan tidak formal.

- c) Memahami dan menggunakan berbagai-bagai kelainan bahasa yang digunakan di dalam hubungan sosial; bahasa halus, bahasa diraja, bahasa terpelajar, bahasa basahan dan sebagainya.
- d) Meningkatkan keupayaan berbahasa tinggi, halus, indah, kemas dan bertenaga sehingga berupaya pula mengungkapkan budaya tinggi.
- e) Meningkatkan kemahiran berbahasa dalam bidang pentadbiran dan pengurusan.
- f) Mempelajari prinsip penulisan serta melahirkan karya yang berbentuk bahasa akademik.
- g) Mempertingkatkan penguasaan terhadap bahasa Melayu klasik sebagai usaha melihat kesinambungan dan juga pengayaan bahasa.
- h) Memberi pengenalan dan penggunaan bahasa retorik, baik dalam bentuk naratif, pidato, khutbah, iklan maupun ragam bahasa.

#### **4.16.1. Pelaksanaan Kursus Diploma Bahasa Malaysia**

Kursus Diploma Bahasa Malaysia dijalankan secara sepenuh masa selama satu tahun akademik dalam dua semester. Kursus ini terdiri daripada lapan kursus yang perlu diikuti oleh pelajar dengan setiap satunya melibatkan antara 52 - 56 jam pertembungan. Pelajar dikehendaki menyempurnakan masing-masing empat kursus bagi setiap semester.

#### **4.16.2. Komponen Kursus Diploma Bahasa Malaysia**

Antara kursus-kursus komponen yang laksanakan dalam program Diploma Bahasa Malaysia ialah;

- a) Penggunaan Bahasa dan Penglihatan Dunia
- b) Bahasa Perundingan
- c) Kelainan Bahasa Sosial
- d) Bahasa Persuratan Moden
- e) Bahasa Pentadbiran
- f) Bahasa Akademik
- g) Bahasa Klasik
- h) Bahasa Retorik (Lisan dan Tulisan)

#### 4.17. Rumusan

Pada umumnya, kursus-kursus bahasa Melayu yang diajar di Pusat Bahasa dirancang dan dilaksana sesuai dengan keperluan semasa. Pelaksanaan Kursus Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia, diwujudkan atas dasar keperluan untuk mempertingkatkan kemahiran berbahasa di kalangan tenaga pengajar di Universiti Malaya. Rata-rata kalangan mereka ini perlu menguasai kecekapan bahasa yang tinggi bagi membolehkan mereka menyampaikan pengajaran dengan menggunakan pengantar bahasa kebangsaan. Selain itu, kakitangan am juga tidak ketinggalan mendapatkan khidmat Pusat Bahasa bagi mengikuti kursus kecekapan bahasa Melayu dengan matlamat membolehkan mereka mengendalikan urusan pentadbiran dan komunikasi dengan kakitangan lain dengan menggunakan bahasa Melayu yang berkesan.

Pelaksanaan Kursus Intensif Bahasa Malaysia dalam masa cuti panjang sesi pengajian pula dapat memberi peluang kepada kakitangan Universiti Malaya khususnya kakitangan akademik terlibat sepenuh masa mengikuti kursus ini. Mereka yang mengikuti kursus ini kebanyakannya terdiri daripada kakitangan yang tidak mempunyai kelayakan bahasa Melayu bagi membolehkan

mereka diserapkan dalam perkhidmatan di Universiti Malaya. Kelulusan cemerlang dalam KIBM bermakna mereka memiliki syarat kelayakan bahasa Melayu dan diiktiraf di peringkat Universiti, setaraf dengan kelayakan bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) .

Namun, sejak kebelakangan ini, kursus-kursus kecekapan dan intensif ini bukan lagi menjadi tumpuan kakitangan Universiti Malaya sahaja sebaliknya terbuka kepada pelajar-pelajar dari luar terutama kalangan pelajar-pelajar asing atau orang perseorangan yang ingin mempelajari bahasa Melayu. Ini disebabkan hampir keseluruhan kakitangan universiti ini kini sudah mempunyai kelayakan bahasa Melayu yang memuaskan.